

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tarikh permulaan serta tarikh siap dijangka untuk projek pemanjangan landasan Lapangan Terbang Sandakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian sedang dalam proses pelantikan perunding projek. Antara skop perkhidmatan perunding tersebut ialah untuk membuat pindaan berkaitan terhadap reka bentuk pemanjangan landasan, reka bentuk *taxiway*, dan kerja-kerja berkaitan berdasarkan pindaan terkini dokumen *International Civil Aviation Organisation (ICAO) Annex 14*. Selain itu, pelaksanaan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) juga perlu dilaksanakan memandangkan kawasan paya dan sungai yang terdapat di hujung landasan yang akan dibangunkan, merupakan kawasan sensitif alam sekitar.
2. Proses pelantikan perunding projek dijangka selesai pada bulan Ogos 2019, setelah dimuktamadkan dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
3. Kerja-kerja fizikal dijadual dilaksanakan pada bulan September 2019 dan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2021 berdasarkan tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama 18 bulan.
4. Antara skop kerja utama projek ini adalah pemanjangan landasan dari 2,133m kepada 2,500m, pembinaan *Connecting Taxiway* baru, pelebaran kawasan memakir pesawat dan rekonfigurasi, menyediakan *Precision Approach Light* serta kerja-kerja berkaitan.
5. Pihak Kerajaan komited dan Kementerian Pengangkutan akan memastikan projek menaik taraf Landasan Lapangan Terbang Sandakan ini akan disiapkan dalam masa yang terdekat.

Sekian, terima kasih.